Mohd Yattim bin Baharom lwn Kerajaan Malaysia dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — RAYUAN SIVIL NO 12–101 TAHUN 2004
VT SINGHAM H
17 NOVEMBER 2009

Keterangan — Inferens bertentangan — Kegagalan memanggil saksi — Kegagalan memanggil pegawai penyiasat — Sama ada keterangan penting untuk pembuktian — Sama ada munasabah untuk membangkitkan inferens bertentangan — Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Tort — Kemalangan jalan raya — Tuntutan ganti rugi — Rayuan terhadap penolakan tuntutan — Sama ada plaintif berjaya membuktikan kecuaian atas imbangan kebarangkalian — Sama ada keterangan saksi boleh dipercayai — Sama ada Mahkamah Tinggi boleh campur tangan atas keputusan mahkamah bicara

Ini adalah satu rayuan oleh perayu/plaintif terhadap keseluruhan keputusan hakim mahkamah sesyen yang telah menolak tuntutan ganti rugi plaintif terhadap kemalangan jalan raya yang menimpa beliau pada 1 Februari 1984. Tidak ada alasan-alasan penghakiman daripada hakim mahkamah sesyen kerana hakim yang memberi keputusan telah meninggal dunia. Di dalam kes ini, plaintif ada membuat laporan polis pada 1 November 1984 iaitu, lebih kurang sembilan bulan dari tarikh kemalangan. Plaintif tidak mengemukakan sebarang keterangan bagaimana kemalangan berlaku walaupun plaintif telah memberi keterangan di mahkamah sesyen. SP4, yang dikatakan berada di tempat kemalangan semasa kemalangan berlaku dipanggil sebagai saksi bebas untuk memberi keterangan bagi plaintif. Walau bagaimanapun, SP4 tidak membuat sebarang laporan polis atau memberi kenyataan kepada pegawai penyiasat ('IO'). Seterusnya, IO dalam kemalangan tersebut tidak dipanggil oleh plaintif untuk memberi keterangan di mahkamah perbicaraan. Isu yang timbul, antara lain, adalah sama ada mahkamah ini yang bersidang sebagai mahkamah rayuan harus masuk campur di atas keputusan mahkamah perbicaraan yang menolak tuntutan plaintif di atas kegagalan plaintif untuk membuktikan tuntutan di atas imbangan kebarangkalian.

Diputuskan, menolak rayuan plaintif dengan kos:

(1) Keterangan SP4 diragui dan tidak dapat diberi sebarang berat (weight). Sekiranya SP4 benar-benar menyaksikan kemalangan tersebut, tidak

munasabah untuk saksi tersebut tidak memberi bantuan kepada mangsa kemalangan atau tidak membuat laporan polis. Tambahan, walaupun SP4 menyatakan dia telah pergi ke Balai Polis Kuantan, dia tidak memberi sebarang kenyataan kepada IO. Malahan dia juga tidak menunggu di tempat kemalangan (lihat perenggan 5).

(2) Plaintif sekurang-kurangnya dan sepatutnya memanggil IO untuk membantu mahkamah perbicaraan supaya satu keputusan yang adil dapat dibuat ataupun untuk membantu dan menyokong kes plaintif. Malangnya, IO tidak dipanggil dan tidak ada apa-apa keterangan atau sebab-sebab yang diberi di mahkamah perbicaraan kenapa IO tidak dipanggil. Juga tidak ada keterangan terhadap apa-apa langkah yang diambil untuk memanggil IO dengan memohon sepina ke atas IO tersebut ataupun ke atas mana-mana pegawai dari cawangan trafik, sekiranya IO tidak dapat dihubungi (lihat perenggan 7).

(3) Ada kemungkinan dan sekiranya IO dipanggil, ia dapat menyokong keterangan lisan di mahkamah dan versi defendan kedua dalam laporan polis defendan kedua yang dibuat pada tarikh kemalangan (lihat perenggan 8).

[English summary

This was an appeal by the appellant/plaintiff against the whole decision of the sessions court judge who had dismissed the plaintiff's claim for damages for a road accident on 1 February 1984. There were no grounds of judgment by the SCJ as the judge who had delivered the decision had passed away. In this case the plaintiff made a police report on 1 November 1984, ie approximately nine months from the date of the accident. The plaintiff did not adduce any evidence as to how the accident occurred although he had testified in the sessions court. SP4, who had been alleged to have witnessed the accident was called as an independent witness to testify on behalf of the plaintiff. However, SP4 did not make any police report or made any statement to the investigating officer ('the IO'). Further the IO in the accident was not called by the plaintiff to testify at the trial court. The issue that arose, inter alia, was whether the court which sat as an appellate court should interfere with the decision of the trial court which had dismissed the plaintiff's claim as the plaintiff had failed to prove the claim on the balance of probabilities.

Held, dismissing the plaintiff's appeal with costs:

(1) The testimony of SP4 was doubted and could not be given any weight. If SP4 had in fact witnessed the accident, it was impossible for the witness not to render any help to the victim of the accident or not make a police report. Further, although SP4 had stated that he had gone to the Kuantan Police Station, he had not given any statement to the IO. In fact, he did not wait at the scene of the accident (see para 5).

(2) The plaintiff should have at least or must have called the IO to assist the trial court so that a fair decision could be made or to assist or support the plaintiff's case. Unfortunately, the IO was no called and there was no evidence or reason furnished in the trial court as to why the IO was not called. Also there was no evidence as to any steps taken to call the IO by applying for a subpoena for IO or any other officer from the traffic unit, if the IO could not be contacted (see para 7).

(3) It was probable and if the IO was called it could corroborate the oral evidence in court and the version of the second defendant in the second defendant's police report which was made on the date of the accident (see para 8).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kegagalan memanggil saksi, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 202–222.

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalan secara am, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1664–1665.

Kes-kes yang dirujuk

Armagas Ltd v Mundogas SA; The Ocean Frost [1985] 1 Lloyd's Rep 1, MR (dirujuk)

Eastern & Oriental Hotel (1951) Sdn Bhd v Ellarious George Fernandez & Anor [1989] 1 MLJ 35, MA (dirujuk)

Gulwant Singh v Abdul Khalik [1964] MLJ 286, MT (dirujuk)

Ho Kiong Chan v Patipet [1966] 1 MLJ 159, MP (dirujuk)

Khoon Chye Hin v PP [1961] MLJ 105, MR (dirujuk)

Koay Teik Choo & Ors v Reg [1956] MLJ 52, MT (dirujuk)

Lim Kim Chet & Anor v Multar bin Masngud [1984] 2 MLJ 165, PC (dirujuk)

Mohamed Alias v PP [1983] 2 MLJ 172, MT (dirujuk)

Mohd Yusof bin Mohd Rakim & Anor v Shanta a/p Periasamy & Anor [2006] 5 MLJ 251, MT (dirujuk)

Neo Chan Eng v Koh Yong Hoe [1960] MLJ 291, MT (diikut)

Ng Chul Sia v Maimon bt Ali [1983] 1 MLJ 110, MT (diikut)

Noorianti bte Zainol Abidin & Ors v Tang Lei Nge [1990] 2 MLJ 242, MT (diikut)

Raja Mohktar bin Raja Yaacob v Public Trustee, Malaysia [1970] 2 MLJ 151, MT (diikut)

Seong Fatt Sawmills Sdn Bhd v Dunlop Malaysia Industries Sdn Bhd [1984] 1 MLJ 286, MP (dirujuk)

Sundram v Arujunan & Anor [1994] 3 MLJ 361, MA (dirujuk)

Tan Chow Soo v Ratna Ammal [1969] 2 MLJ 49, PC (dirujuk)

Tan Sri Khoo Teck Puat & Anor v Plenitude Holdings Sdn Bhd [1993] 1 MLJ 113, MA (dirujuk)

Tay Kheng Hong v Heap Moh Steamship Co Ltd [1964] MLJ 87, MT (dirujuk)
UN Pandey v Hotel Marco Polo Pte Ltd [1980] 1 MLJ 4, MT (dirujuk)
Watt (Thomas) v Thomas [1947] AC 484 (dirujuk)
Wilsher v Essex Area Health Authority [1988] 1 All ER 871, HL (diikut)
Yap Yew Yee v Subramaniam & Anor [1972] 2 MLJ 53, MT (dirujuk)
Yew Phaik Hoon v Quah Ooi Keat & Anor [1969] 1 MLJ 32, PC (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 101, 114(g), 157
Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 28A, 28A(1)(b)

Ariff Mahindar bin Abdullah (Mahindar & Co) bagi pihak perayu Kamal Azira
Kamal Azira (Najwa Hashim, Peguam Persekutuan bersamanya) (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara)

VT Singham H:

[1] Ini adalah satu rayuan oleh perayu/plaintif terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang diberikan pada 29 September 2004, di mana, tuntutan plaintif telah ditolak. Rayuan ini adalah terhadap keseluruhan keputusan. Di rayuan ini, perayu dan responden-responden dirujuk sebagai plaintif dan defendan-defendan masing-masing.

[2] Setelah membaca dan meneliti rekod rayuan, rekod rayuan tambahan dan hujah-hujah oleh kedua-dua pihak yang diberikan secara bertulis dan lisan bersama autoriti-autoriti dan prinsip undang-undang, di mana dalam keadaan apakah mahkamah ini yang bersidang sebagai Mahkamah Rayuan harus masuk campur di atas keputusan mahkamah perbicaraan, keputusan mahkamah ini adalah:

(a) Kemalangan ini berlaku pada 1 Februari 1984 tetapi saksi tersebut (SP4) yang kononnya didapati menyaksikan kemalangan dan tidak membuat sebarang laporan polis atau memberi kenyataan kepada pegawai penyiasat masih boleh ingat selepas 19 tahun di mana saksi tersebut telah memberi keterangan di mahkamah pada 23 Februari 2003 tentang bagaimana kemalangan berlaku, walaupun beliau tidak mempunyai apa-apa dokumen atau laporan polis atau kenyataan untuk mengingatkan semula (refresh memory) ingatan beliau.

(b) Walaupun dikatakan beliau berada di tempat kemalangan dan menyaksikan kemalangan, tidak ada apa-apa alasan kenapa beliau tidak memberi sebarang bantuan kepada plaintif selepas kemalangan walaupun dikatakan plaintif tidak bergerak.

(c) Tidak ada apa-apa alasan kenapa beliau tidak membuat laporan polis, di mana beliau menyatakan bahawa setelah menyaksikan kemalangan,

beliau ada pergi ke Balai Polis Kuantan untuk memaklumkan kepada polis mengenai kemalangan tersebut. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa apabila mahkamah ini bertanya kepada peguambela yang bijaksana bagi perayu kenapa dan sekiranya beliau ada pergi ke balai polis untuk memaklumkan kepada polis tentang kemalangan, kenapa beliau tidak membuat laporan polis, jawapan adalah itu tidak kena mengena dengan SP4. Sekiranya kemalangan itu tidak kena mengena dengan SP4, kenapa, pertama, dikatakan beliau pergi ke Balai Polis Kuantan untuk memaklumkan kepada polis, kedua, kenapa beliau sudi hadir di mahkamah untuk memberi keterangan selepas 19 tahun dari tarikh kemalangan dan masih boleh ingat apa yang kononnya beliau saksikan.

(d) Tidak ada keterangan bagaimana dan bilakah plaintif dapat menghubungi saksi (SP4) tersebut dan bagaimana plaintif dapat tahu saksi ini kononnya ada menyaksikan kemalangan tersebut.

[3] Di atas perkara-perkara tersebut, plaintif tidak mengemukakan sebarang keterangan bagaimana kemalangan berlaku. Walau bagaimanapun, didapati bahawa seorang bernama Encik Abdullah bin Mohamad ('SP4') dipanggil sebagai saksi bebas untuk memberi keterangan bagi plaintif bagaimana kemalangan berlaku. Malangnya, mahkamah ini mendapati di atas keseluruhan keterangan dan di atas imbangan kebarangkalian keterangan SP4 diragui sama ada beliau benar-benar berada di tempat kemalangan semasa kemalangan berlaku dan sama ada beliau menyaksikan kemalangan tersebut di atas sebab-sebab berikut:

(a) Kemalangan ini berlaku pada 1 Februari 1984 tetapi saksi tersebut (SP4) yang kononnya didapati menyaksikan kemalangan dan tidak membuat sebarang laporan polis atau memberi kenyataan kepada pegawai penyiasat masih boleh ingat selepas 19 tahun di mana saksi tersebut telah memberi keterangan di mahkamah pada 23 Februari 2003 tentang bagaimana kemalangan berlaku, walaupun beliau tidak mempunyai apa-apa dokumen atau laporan polis atau kenyataan untuk mengingatkan semula (refresh memory) ingatan beliau.

(b) Walaupun dikatakan beliau berada di tempat kemalangan dan menyaksikan kemalangan, tidak ada apa-apa alasan kenapa beliau tidak memberi sebarang bantuan kepada plaintif selepas kemalangan walaupun dikatakan plaintif tidak bergerak.

(c) Tidak ada apa-apa alasan kenapa beliau tidak membuat laporan polis, di mana beliau menyatakan bahawa setelah menyaksikan kemalangan, beliau ada pergi ke Balai Polis Kuantan untuk memaklumkan kepada polis mengenai kemalangan tersebut. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa apabila mahkamah ini bertanya kepada peguambela yang bijaksana bagi perayu kenapa dan sekiranya beliau ada

pergi ke balai polis untuk memaklumkan kepada polis tentang kemalangan, kenapa beliau tidak membuat laporan polis, jawapan adalah itu tidak kena mengena dengan SP4. Sekiranya kemalangan itu tidak kena mengena dengan SP4, kenapa, *pertama*, dikatakan beliau pergi ke Balai Polis Kuantan untuk memaklumkan kepada polis, *kedua*, kenapa beliau sudi hadir di mahkamah untuk memberi keterangan selepas 19 tahun dari tarikh kemalangan dan masih boleh ingat apa yang kononnya beliau saksikan.

(d) Tidak ada keterangan bagaimana dan bilakah plaintif dapat menghubungi saksi (SP4) tersebut dan bagaimana plaintif dapat tahu saksi ini kononnya ada menyaksikan kemalangan tersebut.

[4] Di peringkat ini, mahkamah ini ingin merujuk kepada kes *Yap Yew Yee v Subramaniam & Anor* [1972] 2 MLJ 53, di mana plaintif dalam kes tersebut, seorang penunggang motosikal telah memfailkan satu tindakan kecuaian untuk ganti rugi bagi kecederaan dan kerugian yang dialami oleh beliau terhadap seorang pemandu motor teksi ('defendan'). Kemalangan tersebut berlaku pada 30 Ogos 1964, di mana plaintif mendakwa bahawa pemandu motor teksi yang menyebabkan kemalangan tersebut. Dalam kes tersebut, plaintif telah memanggil seorang bernama Abdul Rahman bin Mohamed (SP3) sebagai saksi bebas untuk menyokong versi plaintif terhadap pemandu motor teksi tersebut. Walau bagaimanapun, tuntutan plaintif di atas fakta dan keadaan kes itu ditolak dan keterangan saksi kononnya saksi bebas (SP3) tidak diterima oleh hakim perbicaraan. Mohamed Azmi H (pada masa itu) berkata seperti berikut di ms 54:

> The allegation of speeding is supposed to be corroborated by Abdul Rahman bin Mohamed (PW3) who lived directly opposite the junction. It is interesting to note how Abdul Rahman came to be discovered. According to the plaintiff, after knowing the date of trial, he went to see a friend to find out whether there was any eye-witness to the accident, and it was about ten days before this trial that he met this important witness. Having regard to the fact that this accident took place in August 1964 and the present action was filed four years later in October 1968, it is most improbable, to say the least, that this material witness was only discovered in 1971. In as much as Abdul Rahman did not see the accident at all, it is more probable having regard to the circumstances which led to his discovery that he did not see anything till the accident was all over.

Dalam kes *Armagas Ltd v Mundogas SA; The Ocean Frost* [1985] 1 Lloyd's Rep 1 di ms 57 mengatakan:

> … when considering the credibility of witnesses, always to test their veracity by reference to the objective facts proved independently of their testimony, in particular by reference to the documents in the case, and also to pay particular regard to their motives and to the overall probabilities. It is frequently very difficult to tell whether a witness is telling the truth or not; and where there is a conflict of

evidence such as there was in the present case, reference to the objective facts and documents, to the witnesses' motives, and to the overall probabilities, can be of very great assistance to a judge in ascertaining the truth.

Dalam kes *Watt (Thomas) v Thomas* [1947] AC 484, di ms 487–488, Thankerton H berkata:

I do not find it necessary to review the many decisions of this House, for it seems to me that the principle embodied therein is a simple one, and may be stated thus: (i) Where a question of fact has been tried by a judge without a jury, and there is no question of misdirection of himself by the judge, an appellate court which is disposed to come to a different conclusion on the printed evidence, should not do so unless it is satisfied that any advantage enjoyed by the trial judge by reason of having seen and heard the witnesses, could not be sufficient to explain or justify the trial judge's conclusion; (ii) The appellate court may take the view that, without having seen or heard the witnesses, it is not in a position to come to any satisfactory conclusion on the printed evidence; (iii) The appellate court, either because the reasons given by the trial judge are not satisfactory, or because it unmistakably so appears from the evidence, may be satisfied that he has not taken proper advantage of his having seen of his having seen and heard the witnesses, and the matter will then become at large for the appellate court. It is obvious that the value and importance of having seen and heard the witnesses will vary according to the class of case, and, it may be, the individual case in question.

[5] Di atas sebab-sebab tersebut, mahkamah ini berpendapat keterangan SP4 diragui dan tidak dapat diberi sebarang berat (weight) kepada keterangan tersebut. Sekiranya seorang saksi bebas kononnya seperti SP4 ada benar-benar menyaksikan kemalangan, tidaklah munasabah untuk saksi tersebut tidak memberi bantuan kepada mangsa yang terlibat dalam kemalangan atau tidak membuat laporan polis walaupun SP4 menyatakan beliau ada pergi ke Balai Polis Kuantan, tetapi tidak memberi sebarang kenyataan kepada pegawai penyiasat. Perkara-perkara tersebut semua adalah tidak munasabah dan mustahil untuk diterima. SP4 juga tidak menunggu di tempat kemalangan sehingga pegawai polis sampai di tempat kemalangan dan memperkenalkan diri kepada pegawai penyiasat sebagai seorang yang menyaksikan kemalangan ataupun memberitahu kepada mahkamah siapakah anggota polis yang beliau telah beritahu di Balai Polis Kuantan tentang kemalangan tersebut.

[6] Di sini adalah penting untuk mengatakan bahawa keterangan SP4 bahawa beliau telah menyaksikan kemalangan dan berada di tempat kemalangan telah dicabar oleh defendan-defendan tetapi tidak ada apa-apa alasan yang munasabah kenapa beliau tidak melakukan perkara-perkara tersebut di atas atau bertindak sebagai seorang yang munasabah akan buat sekiranya beliau ada menyaksikan kemalangan. Juga adalah mustahil untuk SP4 tidak tahu motosikal tersebut datang dari arah mana sekiranya beliau

berada di tempat kemalangan pada jam lebih kurang 6.45 pagi di mana tidak ada keterangan bahawa tempat kemalangan pada masa itu sibuk dengan kenderaan-kenderaan lain.

[7] Oleh kerana plaintif tidak dapat memberi versi bagaimana kemalangan berlaku di mahkamah perbicaraan, plaintif sekurang-kurangnya dan sepatutnya memanggil pegawai penyiasat untuk membantu mahkamah perbicaraan supaya satu keputusan yang adil dapat dibuat ataupun untuk membantu dan menyokong kes plaintif. Malangnya, pegawai penyiasat tidak dipanggil dan tidak ada apa-apa keterangan atau sebab-sebab yang diberi di mahkamah perbicaraan kenapa pegawai penyiasat tidak dipanggil. Juga tidak ada keterangan terhadap apa-apa langkah yang diambil untuk memanggil pegawai penyiasat dengan memohon sepina ke atas pegawai penyiasat tersebut ataupun ke atas mana-mana pegawai dari cawangan trafik, sekiranya dan andaikata pegawai penyiasat tidak dapat dihubungi seperti dihujahkan oleh peguam yang bijaksana bagi perayu, di mana tidak ada keterangan bahawa pegawai penyiasat tidak dapat dihubungi atau tidak dapat hadir.

[8] Di atas kegagalan memanggil pegawai penyiasat, mahkamah ini berpendapat dan bersetuju di atas hujah-hujah peguam kanan persekutuan yang bijaksana bagi defendan-defendan bahawa dalam keadaan tersebut, adalah munasabah untuk membangkitkan inferensi yang bertentangan (adverse inference) di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap plaintif untuk tidak memanggil pegawai penyiasat, seorang saksi yang penting iaitu, sekiranya pegawai penyiasat dipanggil, keterangan pegawai penyiasat tidak akan menyokong dakwaan/keterangan plaintif terhadap defendan kedua dalam pernyataan tuntutan atau keterangan pegawai penyiasat akan bertentangan dengan keterangan SP4 dan menyangkal keterangan SP4. Sebaliknya, ada kemungkinan dan sekiranya pegawai penyiasat dipanggil, ia dapat menyokong keterangan lisan di mahkamah dan versi defendan kedua di laporan polis defendan kedua (rujuk ms163) yang dibuat pada 1 Februari 1984 jam 7.15 pagi lebih kurang 1/2 jam dari waktu kemalangan berlaku dan keterangannya bahawa plaintif telah melanggar pembahagi jalan dan akibat daripada itu motosikal plaintif terlanggar tayar belakang sebelah kanan kenderaan yang dipandu oleh defendan kedua (rujuk kes *Mohd Yusof bin Mohd Rakim & Anor v Shanta a/p Periasamy & Anor* [2006] 5 MLJ 251 di ms 259) di mana kes-kes lain yang telah dirujuk dalam keputusan tersebut dan diikuti.

[9] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan oleh peguam kanan persekutuan yang bijaksana bagi responden-responden bahawa tanda-tanda F & G di kunci rajah kasar (eksh P7 dan P7A), iaitu 'kesan macam kena langgar oleh tayar di batu lengkongan' dan 'kesan tayar atas tanah dalam lengkongan batu tiga segi' ditanda 'E', (di mana rajah kasar dan kunci adalah keterangan

bagi kes plaintif sendiri) bukan sahaja konsisten dan menyokong versi defendan kedua malah memaparkan bagaimana plaintif yang menunggang motosikal terlibat dalam kemalangan tersebut. A

[10] Mahkamah ini patut mengambilkira bahawa defendan kedua ada membuat laporan polis lebih kurang 1/2 jam dari masa kemalangan berlaku (rujuk laporan polis defendan kedua, eksh D11) dan versi dalam laporan polis adalah selaras dan konsisten dengan keterangan lisan defendan kedua di mahkamah (rujuk s 157 Akta Keterangan 1950). B

C

[11] Aduan yang dibuat oleh peguambela yang bijaksana bagi perayu semasa berhujah di peringkat rayuan ini bahawa terdapat percanggahan dalam keterangan defendan kedua, dan sekiranya, terdapat percanggahan, mahkamah ini berpendapat itu bukan percanggahan yang boleh dan telah membawa sebarang keraguan atau menghancurkan keterangan defendan kedua sehingga keterangannya patut ditolak. Tidak boleh dinafikan bahawa sebarang keterangan oleh saksi-saksi yang memberi keterangan di mahkamah, khususnya, selepas lebih kurang 19 tahun sememangnya akan membawa keterangan-keterangan yang tidak lengkap dan bercanggah. Apa yang penting adalah untuk menilai keterangan seorang saksi, sama ada sebarang percanggahan sekiranya didapati telah membawa satu ketidakpercayaan kepada keterangan saksi tersebut dan memberi kesan kepada imbangan kebarangkalian sehingga keterangan tersebut tidak dapat diterima atau sama ada percanggahan tersebut adalah percanggahan material yang memberi kesan kepada kredibiliti saksi tersebut (rujuk kes *Mohamed Alias v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 172 di ms 173; *Khoon Chye Hin v Public Prosecutor* [1961] MLJ 105 di ms 107; *Gulwant Singh v Abdul Khalik* [1964] MLJ 286 di ms 287). Dalam kes ini, mahkamah ini berpendapat keterangan defendan kedua patut diterima sebagai satu versi yang benar dan kebarangkalian dan ia tidak membawa sebarang ketidakpercayaan di atas imbangan kebarangkalian atau sehingga menimbulkan sebarang keraguan ke atas kredibilitinya. D E F G

[12] Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa tugas untuk membuktikan tuntutan plaintif atau kecuaian terhadap defendan kedua adalah terletak pada plaintif (rujuk s 101 Akta Keterangan 1950). Defendan kedua tidak ada sebarang tugas untuk membuktikan beliau bukan cuai kerana beban tidak akan bergerak kepada defendan kedua selagi plaintif dapat membuktikan kecuaian di atas imbangan kebarangkalian. Dalam kes ini, plaintif gagal membuktikan kecuaian terhadap defendan kedua seperti didakwa di dalam pernyataan tuntutan di atas imbangan kebarangkalian. Oleh itu, tidak ada apa-apa tugas atau beban yang diletak ke atas defendan kedua untuk menyangkal apa-apa keterangan bagi plaintif. Walau bagaimanapun, defendan kedua bersedia dan telah memberi keterangan di mana beliau diperiksa balas untuk memberitahu mahkamah versi yang H I

sebenarnya dan bagaimana kemalangan berlaku di mana keterangan SP4 telah disangkal di mana tidak disokong dengan laporan polis plaintif sendiri yang dibuat pada 1 November 1984 iaitu, lebih kurang sembilan bulan selepas tarikh kemalangan tersebut (rujuk kes *Ng Chul Sia v Maimon bt Ali* [1983] 1 MLJ 110; *Neo Chan Eng v Koh Yong Hoe* [1960] MLJ 291 di ms 292; *UN Pandey v Hotel Marco Polo Pte Ltd* [1980] 1 MLJ 4; *Ho Kiong Chan v Patipet* [1966] 1 MLJ 159 di ms 163).

[13] Seterusnya, mahkamah ini memang sedar bahawa kecederaan yang dialami oleh plaintif adalah amat serius. Walau bagaimanapun perkara itu tidak harus mengaburi atau pengaruhi keputusan kehakiman di atas pendapat *liabiliti* kerana sebarang keputusan kehakiman atas *liabiliti* adalah berdasarkan kepada keseluruhan keterangan dan fakta-fakta kes di atas taraf imbangan kebarangkalian dan bukan di atas perasaan simpati, di mana dan walaupun mahkamah ini memang merasa simpati kepada plaintif di atas kejadian ke atas beliau dan keadaan plaintif.

[14] Setelah meneliti dan membaca semula rekod rayuan, rekod rayuan tambahan bersama-sama semua dokumen yang berkaitan dan hujah-hujah oleh kedua-dua pihak, di mana adalah tugas plaintif untuk membuktikan dakwaan dan tuntutannya seperti di pernyataan tuntutan, mahkamah ini bersetuju dengan keputusan hakim mahkamah sesyen bahawa plaintif gagal di atas imbangan kebarangkalian untuk membuktikan tuntutan plaintif yang menyebabkan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana untuk menolak tuntutan plaintif (rujuk kes *Noorianti bte Zainol Abidin & Ors v Tang Lei Nge* [1990] 2 MLJ 242 di ms 243; *Koay Teik Choo & Ors v Reg* [1956] MLJ 52; *Seong Fatt Sawmills Sdn Bhd v Dunlop Malaysia Industries Sdn Bhd* [1984] 1 MLJ 286 di ms 290).

[15] Seterusnya, mahkamah ini menegaskan bahawa plaintif tidak menggunakan peluang untuk mengemukakan keterangan melalui pegawai penyiasatan supaya sekurang-kurangnya mahkamah perbicaraan dapat meneliti kerosakan kedua-dua kenderaan dan juga sama ada terdapat sebarang saksi bebas benar-benar wujud seperti SP4 dalam kemalangan tersebut.

[16] Berdasarkan kepada sebab-sebab yang tersebut di atas, mahkamah ini berpendapat bahawa rayuan ini bukanlah satu rayuan yang sesuai untuk mahkamah ini yang bersidang sebagai mahkamah rayuan patut masuk campur di atas keputusan hakim mahkamah sesyen (rujuk kes *Tay Kheng Hong v Heap Moh Steamship Co Ltd* [1964] MLJ 87; *Yew Phaik Hoon v Quah Ooi Keat & Anor* [1969] 1 MLJ 32; *Tan Sri Khoo Teck Puat & Anor v Plenitude Holdings Sdn Bhd* [1993] 1 MLJ 113 di ms 117; *Eastern & Oriental Hotel (1951) Sdn Bhd v Ellarious George Fernandez & Anor* [1989] 1 MLJ 35

di ms 38; *Lim Kim Chet & Anor v Multar bin Masngud* [1984] 2 MLJ 165; *Tan Chow Soo v Ratna Ammal* [1969] 2 MLJ 49 di ms 50–51). Walaupun tidak terdapat alasan-alasan penghakiman, mahkamah ini berpuas hati tidak ada apa-apa kekhilafan di atas keputusan hakim mahkamah sesyen yang mendapati plaintif bertanggungjawab sepenuhnya di atas kemalangan tersebut, di mana tuntutan plaintif telah ditolak.

BAGI GANTI RUGI AM DAN KHAS

[17] Di peringkat rayuan ini kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan terhadap *ganti rugi khas* di mana RM2,178 telah dipersetujui bagi ganti rugi khas dan mahkamah benarkan sebanyak RM2,178 untuk ganti rugi khas kepada plaintif.

Untuk *ganti rugi am*, mahkamah ini merujuk kepada laporan perubatan dan laporan dari pakar perubatan di mana adalah seperti berikut:

Mengikut laporan pakar perubatan Dr Ang Lee Chiang bertarikh 31 Mei 1984 berkata:

> He sustained laceration 3cm over right occipital region. Skull x-ray showed extensive fracture left parietal bone.
>
> Patient was treated conservatively for his head injury with constant nursing care. He remained in coma and showed no evidence of improvement or regain of consciousness. He was transferred to Kelang Hospital, as requested on 4/3/84.

Mengikut laporan pakar perubatan Dr Lim Thung Kiat bertarikh 8 Julai 1986 berkata:

> On examination, his visual acuity was only detection of hand movement in either eye. His cornea was opaque and symmetrically involved.
>
> Anterior chambers were not visualised. The tentative diagnosis was expose keratitis in both eyes. He was treated with anti-biotic eye drops to prevent further infection and irritation, and advised for corneal graft in near future.

Mengikut laporan perubatan Dr Quah Cheng Hock bertarikh 9 Februari 1996 berkata:

> Patient suffered severe head injuries resulting in being comatosed for about three months. Bilateral expose keratitis to his eyes developed and he had corneal ulcerations in both eyes. This has caused corneal decompensation, perforation and secondary glaucoma. He is now registrable as Blind, and there is no hope of recovery of vision.

Mengikut laporan pakar perubatan Dato' Dr N Arumugasamy bertarikh 1 September 1997 berkata:

On examination he was conscious and rational being well oriented to time, place and person. He had no ansomia. His left eye was rather prominent being mildly exophthalmia. There was no papillary reaction as it was not visualized. Exposure keratitis with scarring was rather severe and extensive over the cornea. He could barely make out hand movements presently. *Rest of his cranial nerves and hearing were intact.* (Penekanan ditambah.)

Higher functions revealed poor recent and past memory. He had retrograde amnesia to events that transpired before 1984 but did remember his childhood vividly. There was no dysphasia and simple arithmetic was done satisfactorily. He had a grade III to IV weakness of his left arm and leg. Hand grip in particular was discernibly weak. Reflexes were considerably exaggerated on this side attesting to the weakness. Arm was more involved than his leg. Sensory examination was intact to pain, touch and vibration. There were no abnormal cerebella findings.

CAT scans of his brain concluded on 04/08/97 documented the rather extensive occipital fracture. The intracranial sinuses were well aerated. The cortical parenchyma showed occipital and generalized atrophy which included the cerebella folia. The frontal areas on the left were similar affected. The me encephalic cisterns and the interpeduncular regions showed much fluid accumulation, te ambient cistern on the right being somewhat more dilated. The ventricles were rounded and generously dilated in keeping with the marked yet generalized atrophy. All the ventricular chambers including the 3rd and 4th ventricles were dilated suggesting communicating hydrocephalus.

This patient sustained a motor-vehicle accident that resulted in extensive skull fracture and coma. The latter lasted a considerable period when he developed bilateral exposed keratitis and from which he is near blind. The prolonged coma and possible secondary hypoxic changes have taken a heavy toll on his brain which now evidence cortical atrophy which is generalized. He has resultant hydrocephalus besides, which could be improved to an extent by a shunt. This will not improve his vision or weakness. His painful dysesthesia is possibly central in origin although no definite thalamic lesion was identifiable on present scans. A shunt of his excessive cerebrospinal fluid if he so decides to have done, could cost, including anesthesia, cost of shunt and surgery, around $12,500. This shunt would improve his headaches and contribute to this general well being. The changes documented are permanent and should take into consideration his long sufferings since his accident in 1984.

[18] Untuk ganti rugi am mahkamah ini membenarkan sebanyak RM130,000 *untuk kehilangan penglihatan kedua-dua mata* berdasarkan kepada laporan perubatan.

Bagi kecederaan di kepala, mahkamah membenarkan RM150,000 berdasarkan kepada laporan perubatan pakar Dato' Dr N Arumugasamy bertarikh 1 September 1997.

Bagi kehilangan pendengaran (50%), mahkamah ini tidak membenarkan sebarang award di atas sebab-sebab berikut:

(a) Tidak ada apa-apa keterangan perubatan yang dikemukakan oleh plaintif di perbicaraan mengenai sebarang kehilangan pendengaran dan kehilangan pendengaran tersebut disebabkan atau dialami akibat daripada kemalangan pada 1 Februari 1984 di mana laporan pakar perubatan daripada Dato' Dr N Arumugasamy berkata:

> Rest of his cranial nerves and hearing were intact.

(b) Laporan perubatan bertarikh 31 Mei 1984 daripada Dr Ang Lee Chiang dan laporan perubatan bertarikh 8 Julai 1986 daripada Dr Lim Thung Kiat tidak menyatakan apa-apa kecederaan di bahagian telinga pada masa plaintif diperiksa oleh doktor-doktor tersebut selepas kemalangan pada 1 Februari 1984.

(c) Tidak ada apa-apa keterangan daripada pakar perubatan Dr Ang Lee Chiang dan Dr Lim Thung Kiat dalam laporan pakar terhadap sebarang kecederaan atau kehilangan pendengaran di telinga. Malangnya, apabila plaintif diperiksa oleh Dr Ramakrishnan Radha seorang pakar telinga, hidung, kerongkong (ENT) pada 15 Mei 1996 iaitu lebih kurang 12 tahun selepas tarikh kemalangan, pada 1 Februari 1984. Dr Ramakrishnan Radha di peringkat pemeriksaan balas berkata:

> Saya telah diminta untuk memeriksa pesakit ini oleh peguamnya. Saya telah diarah oleh Jabatan Rekod Perubatan untuk memeriksa pesakit ini.
>
> High Frequency Hearing Loss ialah pesakit mengalami hearing impairment. He is not totally deaf. He can hear normal conversation. He cannot hear high tone speech. He can hear only loud noise. He suffered 50% loss of hearing. Saya tidak memeriksa pesakit ini sebelum ini. Saya ada melihat laporan perubatan pesakit ini.
>
> *Saya tidak dapat pasti sama ada pesakit ini mendapat kecederaan telinganya oleh kerana kemalangan jalan raya pada 1984*. Saya telah diberitahu oleh pesakit dan berdasarkan kepada laporan pesakit ini. Saya telah menjalankan pemeriksaan telinganya dan mendapati kecederaan ini adalah disebabkan oleh kecederaan kepalanya akibat kemalangan jalan raya. *Saya tidak pasti sama ada kemalangan tahun 1984 adalah 'direct cause' kepada kecederaan telinganya*. (Penekanan ditambah.)

Dalam *pemeriksaan semula* Dr Ramakrishnan Radha berkata:

> Saya bersetuju sekiranya kemalangan pada 1984 adalah hanya kemalangan yang dialami oleh pesakit ini saya bersetuju kecederaannya adalah disebabkan oleh kemalangan ini. Saya ada surat permohonan laporan perubatan daripada peguam pesakit ini — ditunjuk dan dicam oleh saksi — ditanda P6. Laporan perubatan bertarikh 31/5/1984 ditanda P6A (di ms 142 rekod rayuan). Laporan bertarikh 8/7/1996 ditanda P6B (di ms 153 rekod rayuan). Pesakit ini mengalami 'fracture of skull'. Kecederaan telinganya boleh disebabkan oleh kecederaan dikepalanya kerana bekalan darahnya menjadi kurang di bahagian telinganya. Saya tidak tahu

sama ada pesakit ini terlibat dalam 'multiple accidents'. Keputusan pemeriksaan saya adalah berdasarkan kepada pemeriksaan pesakit ini yang saya buat pada 1996. Saya berpendapat kecederaan telinga pesakit ini adalah kekal (permanent).

[19] Mahkamah ini berpendapat bahawa keterangan Dr Ramakrishnan Radha yang memberi keterangan di mahkamah pada 29 April 1997 di atas pemeriksaan plaintif pada 15 Mei 1996 iaitu, selepas 12 tahun di atas aduan oleh plaintif tidak dapat membuktikan di atas imbangan kebarangkalian bahawa kehilangan pendengaran (50%) disebabkan akibat kemalangan pada 1 Februari 1984. Seterusnya, plaintif juga gagal membuktikan di atas imbangan kebarangkalian bahawa kehilangan 50% ditelinga disebabkan akibat kemalangan tersebut dan 'causation' tidak dibuktikan dan timbul satu jurang yang penting (material gap) dalam kes plaintif (rujuk kes *Sundram v Arujunan & Anor* [1994] 3 MLJ 361 (minority judgment of Mohamed Dzaiddin) (HMA) (pada masa itu) di ms 374–378 dan *Wilsher v Essex Area Health Authority* [1988] 1 All ER 871).

[20] Mahkamah ini juga mendapati bahawa Dr Ramakrishnan tidak menyatakan di telinga mana satu kehilangan pendengaran dialami oleh plaintif. Laporan perubatan juga yang ditandakan sebagai P2 seperti dicatit di ms 30 rekod rayuan tidak dimasukkan dalam rekod rayuan dan tidak dikemukakan kepada mahkamah ini apabila ditanya oleh mahkamah ini.

[21] Dengan itu, mahkamah ini bersetuju dengan hujah-hujah oleh peguam kanan persekutuan yang bijaksana bagi defendan-defendan bahawa mahkamah ini tidak sepatutnya membenarkan sebarang award bagi kehilangan 50% di telinga. Menurutnya, mahkamah ini tidak benarkan sebarang award bagi 50% kehilangan pendengaran di telinga plaintif.

KEHILANGAN PENDAPATAN MASA HADAPAN

[22] Mahkamah ini mendapati tidak ada apa-apa pertikaian mengenai *multiplier* yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak seperti 16 tahun dan pendapatan plaintif pada masa kemalangan adalah RM360. Plaintif berumur 24 tahun pada masa kemalangan pada 1 Februari 1984. Apa yang dipertikaikan oleh peguam kanan persekutuan yang bijaksana bagi defendan-defendan adalah sebanyak RM72 sebulan yang diterima sebagai pencen oleh plaintif harus dipotong daripada RM360 sebulan dan berhujah bahawa jumlah yang patut dibenarkan adalah RM55,296 dan bukan RM69,120 seperti dihujahkan oleh peguam bagi plaintif. Sebaliknya peguam yang bijaksana bagi plaintif berhujah bahawa RM72 sebulan yang diterima oleh plaintif sebagai pencen tidak patut dipotong dan rujuk kepada s 28A(1)(b) Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan kes *Raja Mohktar bin Raja Yaacob v Public Trustee, Malaysia,* [1970] 2 MLJ 151.

[23] Di sini mahkamah ini telah membawa perhatian kepada dua-dua pihak bahawa *pertama*, *multiplier* yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak adalah berdasarkan kepada pindaan selepas tarikh kemalangan (post amendment) mulai 1 Oktober 1984 kepada Akta Undang-Undang Sivil 1956. Manakala plaintif sepatutnya boleh menuntut selama 17 tahun sekiranya kiraan dibuat sehingga umur plaintif mencapai 55 tahun atau 23 tahun dan sekiranya plaintif mencapai umur 60 tahun. Walau bagaimanapun, dan oleh kerana kedua-dua pihak telah bersetuju dan berhujah bagi 16 tahun sebagai *multiplier*, mahkamah juga berikut dan mengawardkan *multiplier* selama 16 tahun walaupun s 28A Akta Undang-Undang Sivil 1956 tidak terpakai dalam fakta kes ini. Seterusnya, mahkamah ini tidak bersetuju bahawa pencen RM72 sebulan yang diterima oleh plaintif patut dipotong dan diambilkira (rujuk kes *Raja Mohktar* [1970] 2 MLJ 151 di ms 152–153 di mana Raja Azlan Shah H (sekarang DYMM Sultan Perak) berkata di ms 153:

> I am satisfied that the weight of authorities and public policy support my view that pensions are not to be brought into account in assessing damages at *common law*. (Penekannan ditambah.).

[24] Oleh yang demikian, mahkamah ini membenarkan RM360 sebulan X 12 X 16 = RM69,120. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa award untuk ganti rugi am dan khas (seperti yang dibenarkan oleh mahkamah ini) adalah berdasarkan kepada 100% liabiliti di mana hakim mahkamah sesyen tidak membuat sebarang award bagi ganti rugi am dan khas pada masa beliau menolak tuntutan plaintif. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk menyatakan bahawa award ganti rugi am dan khas oleh mahkamah ini adalah tertakluk keputusan liabiliti di mana mahkamah ini telah kekalkan keputusan hakim mahkamah sesyen yang menolak tuntutan plaintif.

[25] Menurutnya dan di atas sebab-sebab, prinsip undang-undang dan keadilan, rayuan oleh perayu/plaintif ditolak dengan kos. Deposit rayuan dibayar kepada responden pertama untuk akaun kos.

Rayuan plaintif ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed